

Atasi ketirisan pungut cukai

» Kerajaan perlu pastikan usaha capai negara maju 2020 tak terbantut

Oleh Haspaizi Mohd Zain
haspaizi@bharian.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan perlu mengatasi masalah ketirisan pungutan cukai bagi memastikan perancangan untuk menjadi Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020 tidak terbantut.

Dekan Pusat Pengajian Perakaunan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Kamil Md Idris, berkata bagi mencapai status negara maju, sebuah negara perlu menyediakan belanjawan atau bajet sekurang-kurangnya RM700 bilion setahun.

Beliau berkata, peruntukan sebanyak RM251.6 bilion dalam Bajet 2013 yang dibentangkan Jumaat lalu tidak memadai untuk dibelanjakan bagi membangunkan negara terutama dalam meningkat-

kan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan awam.

“Memang orang ramai tidak suka cukai tetapi bagi saya kita perlu melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Hari ini kalau kita lihat kerajaan hanya membelanjakan apa yang ada saja.

Kena berbelanja

“Kita kena berbelanja untuk meningkatkan taraf pengangkutan awam supaya lebih cekap, mahu tidak mahu kita perlu lakukannya kerana hari ini penduduk semakin bertambah dan pengangkutan awam amat diperlukan.

“Tidak ada gunanya jika harga kereta diturunkan tetapi kita tidak mampu menyediakan kemudahan asas seperti jalan yang selesa, malah secara perkapita jumlah kereta di negara kita sebenarnya adalah

tinggi,” katanya pada sesi Wacana Majlis Profesor Negara (MPN) Pasca Bajet 2013: Transformasi Negara.

* Ketua Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mior Kamarul Shahid bertindak selaku moderator pada sesi wacana berkenaan.

Kamil berkata, pelaksanaan GST mampu menyumbang kepada pembangunan negara yang secara langsung atau manfaat dari pada kutipan cukai itu disalurkan kembali kepada rakyat untuk dinikmati.

Tumpu kumpulan minoriti

Sementara itu, Dr Sarjit Singh Gill dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berpendapat kerajaan perlu memberi tumpuan kepada kumpulan minoriti di negara ini supaya

Bajet 2013 dapat dinikmati bersama golongan berkenaan.

Katanya, peruntukan yang disalurkan kepada kumpulan berkenaan tidak boleh hanya tertumpu kepada aspek pembangunan fizikal, sebaliknya perlu diberi tumpuan kepada bidang pendidikan.

“Golongan minoriti di negara ini memerlukan big brother seperti orang Melayu ada UMNO, Cina dengan MCA dan India ada MIC. Pembangkang tidak ‘berminat’ kepada kumpulan minoriti. Mereka lebih memberi tumpuan kepada masyarakat Melayu, Cina dan India.

“Kumpulan ini masih lagi bersama Barisan Nasional (BN). Oleh itu, saya rasakan bahawa kerajaan perlu mewujudkan Jabatan Kemajuan Minoriti yang diletakkan dibawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi membantu ataupun memantau kumpulan ini,” katanya.

